



**INTERNATIONAL RESEARCH  
JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT  
AND ISLAM (IRJSMI)**

[www.irjsmi.com](http://www.irjsmi.com)



**PERANAN DAN SUMBANGAN DATUK HAJI MOHAMMAD BIN  
HASHIM AL-HAFIZ DALAM BIDANG AL-QURAN DI NEGERI  
MELAKA**

*THE ROLE AND CONTRIBUTIONS OF DATUK HAJI MOHAMMAD  
BIN HASHIM AL-HAFIZ IN THE FIELD OF THE QURAN IN THE STATE OF  
MELAKA*

Norsyida Md Zin<sup>1\*</sup>, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim<sup>2</sup>, Abd Hadi Borham<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Calon PhD, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norsyida@yahoo.com

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.07.2024

Revised date: 13.08.2024

Accepted date: 30.08.2024

Published date: 19.09.2024

**To cite this document:**

Zin, N. M., Rahim, M. M. A., & Borham, A. H. (2024). Peranan Dan Sumbangan Datuk Haji Mohammad Bin Hashim Al-Hafiz Dalam Bidang Al-Quran Di Negeri Melaka. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6 (17), 01-11.

**DOI:** 10.35631/IRJSMI.617001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Ketokohan Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz dalam bidang pengajian al-Quran tidak dapat dinafikan lagi. Khidmat beliau sebagai Imam Besar Masjid al-Azim Masjid Negeri Melaka bermula dari tahun 2002 hingga kini. Objektif kajian ini adalah bertujuan memperkenalkan Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz dengan memaparkan sejarah dan latar belakang pendidikan al-Quran beliau bermula daripada mula mempelajari ilmu al-Quran, menghafaz al-Quran sehingga kepada perkembangan kerjaya beliau. Kajian ini turut bertujuan menganalisis peranan dan sumbangan beliau dalam memperkasa bidang al-Quran di negeri Melaka. Penulis menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan metode temu bual mendalam di antara penulis dengan tokoh dalam beberapa sesi perjumpaan dan metode analisis dokumen. Dapatkan kajian mendapati bahawa Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz merupakan tokoh al-Quran yang sangat berjasa dan sangat menitik beratkan pendidikan al-Quran dalam semua lapisan masyarakat. Beliau telah mencadangkan pelaksanaan program ithbat al-Quran bagi memartabatkan golongan huffaz di samping menganjurkan beberapa aktiviti yang mampu menarik minat masyarakat untuk datang mengimarahkan masjid. Sumbangan besar beliau dalam memartabatkan bidang al-Quran melayakkan beliau menerima beberapa pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Melaka.

**Kata Kunci:**

Datuk Mohammad Hashim, Tokoh, Peranan, Sumbangan, Bidang Tahfiz al-Quran

**Abstract:**

The expertise of Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz in the field of Quranic studies cannot be denied. His service as the Grand Imam of Masjid al-Azim, State Mosque of Melaka, began in 2002 until now. The objective of this study is to introduce Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz by presenting his history and educational background in Quranic studies starting from his initiation of learning Quranic knowledge, memorizing the Quran, up to his career development. This study also aims to analyze his role and contribution in strengthening the field of Quranic studies in the state of Melaka. The author used a qualitative approach involving in-depth interviews with the figure in multiple sessions and document analysis method. The findings of the study reveal that Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz is a highly respected Quranic figure who places a strong emphasis on Quranic education in all levels of society. He has proposed the implementation of a Quran preservation program to elevate the status of huffaz (Quran memorizers) as well as organizing activities to attract the community to visit and enhance the mosque. His significant contribution to the field of Quranic studies has earned him recognition from the State Government of Melaka.

**Keywords:**

Datuk Mohammad Hashim, Figure, Role, Contribution, Quranic Memorization Field

**Pengenalan**

Ilmu adalah teras kepada sistem nilai agama Islam dan menduduki tempat yang amat tinggi (Wan Mohd Noor Wan Daud, 1991). Ilmu dapat memandu mengeluarkan manusia daripada kejahilan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Allah SWT menegaskan bahawa hanya orang yang berilmu berupaya mentaati Allah dengan sebaik-baiknya menerusi surah Fātir ayat 28:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادُهُ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: "...Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu..."

Sehubungan itu, tokoh-tokoh agamawan telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam menyemarakkan penyebaran ilmu dan ajaran Islam kepada masyarakat. Mereka memandang tinggi kepentingan ilmu pengetahuan dengan menyahut saranan Rasulullah s.a.w untuk menyampaikan ajaran Islam sebagaimana hadith yang diriwayatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī:

بَيْلُغُوا عَيْنَ وَلَوْ آيَةً

Maksudnya: “*Sampaikanlah kalian daripadaku walau pun sepotong ayat*”.  
(HR Bukhāri, 3461)

Tokoh-tokoh yang terlibat menabur bakti demi kelestarian ilmu seperti para ilmuwan sebagai penyampai ilmu dan pendidik insan mestilah dihormati (Wan Mohd Noor Wan Daud, 1991), dihargai dan diberikan penghormatan serta ganjaran yang sewajarnya. Tidak memadai dengan itu, tokoh-tokoh ilmuwan yang berjaya dalam apa jua lapangan mereka perlu didedahkan kepada masyarakat supaya dapat menjadi contoh dan ikutan terutamanya kepada golongan muda (Rasid Muhamad, 2006).

Jika diteliti, kajian berkaitan tokoh-tokoh al-Quran di Malaysia dan sumbangannya telah banyak dikaji. Beberapa nama besar yang tidak asing dalam kalangan masyarakat Malaysia telah ditonjolkan peranan dan sumbangan mereka. Antaranya adalah Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim (Ab. Rahman al-Qari Abdullah, 2011; Shukeri Mohamad et al., 2012; Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad & Khairul Anuar Mohamad, 2022), Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari (Khalid Isa, 2011; Muhammad Lukman Ibrahim & Mahyudin Daud 2016; Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad et al., 2019), Dato' Faridah binti Mat Saman (Shafiza Safie, 2019; Shafiza Safie et al., 2016), Datuk Seri Abu Hasan Din al-Hafiz (Shaharuddin Saad et al., 2021), Haji Mat Lintar (Najmiah Omar & Fatimah Zaharah Ismail, 2017), Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani (Ahmad Najib Abdullah & Muhamad Zul Ikhwan Zahari, 2016), Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong (Najmiah Omar, 2017; Najmiah Omar & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, 2017), Dato' Sallehudin bin Omar (Khairul Anuar Mohamad et al., 2021) dan beberapa tokoh lain.

Tokoh menurut Kamus Dewan ialah orang kenamaan atau terkemuka dalam bidang politik, agama, kebudayaan dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Dalam konteks kajian ini, tokoh yang diketengahkan adalah seorang tokoh terkemuka dalam bidang agama. Dari segi istilah, tokoh agama ditafsirkan sebagai seorang yang dipercayai dan dihargai oleh masyarakat untuk menuntun mereka, seorang yang mengerti hal ehwal agama dan tekun dalam melaksanakan ibadah (Zakiyah Drajet, 1989).

Kajian ketokohan merupakan salah satu cara yang efektif bagi mengukur kesedaran masyarakat dalam memahami kehidupan dan sumbangan seseorang tokoh dari pelbagai latar belakang dan bidang (Hasliza Talib et al. 2019). Kajian ketokohan juga banyak menyentuh aspek profil, personaliti, pemikiran, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi, anugerah serta hadiah. *Ilm al-Rijāl* merupakan perintis kepada kajian ketokohan ini (Rosfala Abd Rahman et. al 2022).

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kesemua data dan bahan kajian dikumpulkan menerusi metode temu bual mendalam di antara penulis dengan tokoh dalam beberapa sesi perjumpaan. Proses temu bual adalah di bawah bimbingan dan kawalan penulis manakala soalan-soalan temu bual disusun berpandukan kepada objektif kajian. Selain itu, penulis turut menggunakan metode analisis dokumen yang diperolehi daripada buku, artikel jurnal dan media elektronik. Kajian ini memberi perincian kepada biografi Datuk Mohammad, latar belakang pendidikan al-Quran beliau di samping mengetengahkan peranan serta sumbangan beliau di bidang al-Quran terutama dalam memartabatkan golongan huffaz dan pengimaranhan masjid.

## Biografi

Kebahagiaan hidup pasangan Haji Hashim bin Liman dan Hajah Aminah binti Abd Rahman diserikan dengan kelahiran seorang putera yang bertuah pada tanggal 27 Mac 1966 di Mekah, Arab Saudi ketika musim haji. Putera kebanggaan ayah serta bonda itu diberi nama Mohammad yang lebih dikenali pada hari ini dengan gelaran Datuk Haji Mohammad bin Haji Hashim al-Hafiz (selepas ini disebut Datuk Mohammad). Beliau merupakan anak ke empat daripada lapan orang adik-beradik. Datuk Mohammad mendirikan rumah tangga dengan suri hati yang juga penghafaz al-Quran bernama Datin Hartini binti Jaamat pada Disember 1997. Pasangan bahagia ini dikurniakan lapan orang cahaya mata iaitu enam lelaki dan dua perempuan. Enam orang daripadanya mengikut jejak Datuk Mohammad dan isteri menjadi al-hafiz.

## Latar belakang Pendidikan

Datuk Mohammad memulakan pendidikan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Telok Mas, Melaka bermula dari tahun 1973 sehingga tahun 1978. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Seri Mahkota, Umbai, Merlimau, Melaka pada tahun 1979 sehingga tahun 1984 dengan mengambil jurusan Perdagangan dan Prinsip Akaun.

Selepas menamatkan pengajian SPM, berbekalkan kepada minat untuk menghafaz al-Quran bersemepena terinspirasi daripada seorang peserta Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan bernama Ali Badri yang menyertai musabaqah menghafaz al-Quran. Datuk Mohammad berpendapat, sekiranya golongan OKU penglihatan boleh menghafaz al-Quran, sudah pasti mereka yang sempurna penglihatan lebih berkemampuan untuk melakukannya. Tidak ketinggalan, Datuk Mohammad turut mendapat galakan untuk menghafaz al-Quran daripada Allahyarham Datuk Idris bin Talib yang pada ketika itu baru sahaja pulang dari Mesir. Datuk Mohammad akhirnya telah mendaftar masuk pengajian Kelas Tahfiz Hujung Minggu secara separuh masa di Maahad Tahfiz al-Quran (MTQ) Masjid Kelemak, Alor Gajah, Melaka pada tahun 1988.

Sepanjang mengikuti kelas tahfiz di MTQ, Datuk Mohammad berjaya menghafaz al-Quran sebanyak enam juzuk. Beliau kemudiannya telah dicalonkan sebagai salah seorang daripada calon temu duga pengambilan pelajar baharu Program Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM. Menurutnya, pada ketika itu, setiap negeri perlu menghantar calon yang berkemampuan menghafaz al-Quran untuk menghadiri sesi temu duga. Oleh demikian, Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah memilih calon-calon berkelayakan daripada beberapa buah sekolah tertentu termasuk calon daripada Kelas Tahfiz Hujung Minggu, MTQ Kelemak.

Datuk Mohammad bersama seorang lagi rakannya telah berjaya dalam sesi temu duga tersebut serta menjadi kumpulan pelajar pertama dari negeri Melaka yang ditawarkan mengikuti Program Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM yang beroperasi di Pusat Islam, Kuala Lumpur pada tahun 1989. Penempatan asrama pelajar ketika itu adalah di Lembah Pantai. Datuk Mohammad berjaya menamatkan hafazan al-Quran 30 juzuk dalam tempoh tiga tahun dan memperoleh Diploma Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM pada tahun 1991.

Pada tahun yang sama, Datuk Mohammad bersama rakan-rakan telah menyambung pengajian di Maahad Qiraat, Universiti Al-Azhar Subra dalam bidang Takhassus Qiraat serta berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat pada tahun 1995.

## Guru-guru al-Quran Datuk Mohammad

Guru adalah nadi dan pelita bagi kejayaan setiap anak didiknya. Guru berperanan mendidik dan mentarbiah pelajar untuk menjadi insan yang berakhlak serta berilmu pengetahuan (Khairul Anuar Mohamad et al. 2021). Menelusuri pengalaman Datuk Mohammad menimba ilmu al-Quran, beliau pernah menerima bimbingan daripada beberapa tokoh al-Quran ternama di Malaysia. Ketika mengikuti pengajian tahliz di MTQ Kelas Tahfiz Hujung Minggu, Datuk Mohammad dibimbang oleh Allahyarham Ustaz Datuk Idris bin Talib dan Ustaz Datuk Abdul Rahim bin Abdul Chalik. Kedua-dua figura hebat ini sangat dihormati dan dikenali dalam memartabatkan pendidikan al-Quran di negeri Melaka.

Seterusnya, ketika menyambung pengajian tahliz di Pusat Islam, beliau dibimbang oleh Ustaz Salleh Sani bin Haji Harun al-Hafiz. Menurut Datuk Mohammad, Ustaz Salleh Sani yang merupakan guru tasmiknya banyak memberikan dorongan dan semangat kepadanya serta rakan-rakan untuk terus istiqamah menghabiskan sukanan hafazan al-Quran sekaligus dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. Selain itu, beberapa figura hebat pernah diamanahkan menjadi guru al-Quran Datuk Mohammad. Mereka adalah Allahyarham Ustaz Zaharuddin bin Syeikh Haji Ahmad al-Hafiz dan beberapa orang guru al-Quran dari kumpulan generasi pertama Darul Quran JAKIM iaitu Ustaz Haji Kamarudin bin Amri al-Hafiz, Ustaz Dato' Sallehudin bin Omar al-Hafiz serta Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz.

## Kerjaya Datuk Mohammad

Datuk Mohammad memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Melaka (MTQNM) bermula dari tahun 1995 sehingga tahun 2000. Pada ketika itu, MTQNM dengan kerjasama Darul Quran JAKIM beroperasi di Bukit Pegoh, Pernu, Melaka. Di situ, beliau dilantik sebagai guru tasmik dan diamanahkan untuk mengajar beberapa subjek termasuk subjek Qiraat.

Pada tahun 2000, MTQNM berpindah ke kompleks baharu di Chenderah, Jasin, Melaka. Datuk Mohammad masih kekal sebagai pensyarah sehinggalah pada tahun 2002, beliau telah dilantik sebagai Pengetua MTQNM. Walau bagaimanapun, khidmatnya sebagai pengetua tidak lama apabila pada tahun yang sama, beliau telah dilantik sebagai Imam Besar Masjid al-Azim, Masjid Negeri Melaka sehingga kini.

Selain itu, Datuk Muhammad dilantik sebagai hakim Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri Melaka dan peringkat kebangsaan sejak tahun 2018. Pemilihan beliau sebaris dengan jemaah hakim terkemuka negara adalah sangat tepat serta memenuhi kriteria pihak jawatankuasa Majlis al-Quran Malaysia (MAQAM). Ini kerana jawatankuasa MAQAM telah menetapkan beberapa kriteria hakim musabaqah antaranya adalah mempunyai pengalaman yang luas dalam ilmu al-Quran supaya keputusan yang dibuat oleh jemaah hakim adalah tepat mengikut kepakaran dan pengalaman para hakim (Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad et al. 2023). Tidak ketinggalan, Datuk Mohammad turut dilantik menganggotai Unit Lajnah Tashih al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bermula tahun 2017 sehingga sekarang.

## Pengiktirafan

Di atas sumbangan dan kesungguhan Datuk Mohammad dalam memperkasa bidang al-Quran di negeri Melaka, beliau telah dikurniakan Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M) oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka pada tahun 2007. Seterusnya, pada tahun 2009,

beliau telah dikurniakan Pingat Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk. Kecemerlangan dan komitmen yang ditunjukkan oleh beliau di dalam perkhidmatan telah melayakkan beliau menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 1438 Kategori Umar Abdul Aziz (Tokoh Perkhidmatan Awam) pada tahun 2017.

### **Sumbangan Datuk Mohammad**

Berdasarkan kepada dapatan hasil sesi temu bual, beberapa sumbangan Datuk Mohammad yang dikemukakan di dalam kajian ini telah dianalisis dan disusun mengikut tema sebagaimana berikut:

#### i. Pengerusi Kelas Pengajian Tahfiz al-Quran dan Fardhu Ain Kanak-Kanak

Sejak diberi tanggung jawab sebagai Imam Besar Masjid al-Azim, Masjid Negeri Melaka, Datuk Mohammad telah menganjurkan beberapa program bagi mengimarahkan Masjid al-Azim Masjid Negeri Melaka. Di antaranya adalah mengadakan kelas pengajian tahfiz al-Quran dan fardhu ain pada setiap Sabtu dan Ahad untuk kanak-kanak sekitar negeri Melaka yang berusia di antara tujuh hingga 15 tahun. Semenjak kelas ini diperkenalkan pada tahun 2002, ianya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Bermula dengan hanya dua buah kelas pengajian dan dua orang guru dengan bilangan pelajar seramai 70 orang, kini bilangan pelajar telah mencapai 560 orang serta bilangan kelas sebanyak 36 buah.

Modul pengajaran kelas pengajian tahfiz al-Quran dan fardhu ain ini dikemaskini dari masa ke semasa. Sebanyak enam modul telah disusun yang dimulai dengan tahap asas hafazan yang terdiri dari juzuk ‘amma, surah-surah pilihan sehingga kepada surah al-Baqarah. Kelas ini melibatkan dua sesi pengajian iaitu bermula dari 8.00-10.00 pagi dan 10.00-12.00 tengahari. Sistem pengajaran yang ditetapkan adalah sepanjang satu tahun yang diakhiri dengan peperiksaan. Semua pelajar dikehendaki menduduki peperiksaan bagi subjek-subjek yang ditawarkan seperti Aqidah, Fiqh dan Tajwid. Sekiranya ada di antara mereka yang tidak lulus peperiksaan, mereka akan dihalang untuk naik kelas pada tahun berikutnya. Bagi pelajar yang tidak mencapai sukatan pelajaran yang ditetapkan pula, mereka akan dihalang menduduki peperiksaan.

Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian kesemua modul akan diberikan sijil penyertaan yang diiktiraf dan boleh digunakan untuk menyokong permohonan masuk ke sekolah-sekolah agama JAIM atau sekolah-sekolah tahfiz sekitar negeri Melaka seperti Sekolah Tahfiz al-Quran Cenderah, Jasin dan Sekolah Menengah Tahfiz al-Quran (JAIM) al-Abqari. Kebanyakan guru yang terlibat sebagai tenaga pengajar adalah mereka yang berlatar belakang bidang agama dari Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) termasuk guru-guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

Menurut Datuk Mohammad, matlamat utama penubuhan kelas pengajian tahfiz al-Quran dan fardhu ain ini adalah untuk tujuan dakwah iaitu bagi mendekatkan generasi muda datang ke masjid. Selain itu, pihak pengurusan masjid dapat mengambil peranan untuk memastikan golongan kanak-kanak dekat dengan al-Quran tidak kira di mana mereka berada. Dengan penganjuran kelas pengajian tahfiz hujung minggu ini secara tidak langsung dapat mengisi masa kanak-kanak dengan ilmu al-Quran.

Yuran pengajian yang rendah dikenakan bagi setiap pelajar sebanyak RM40 sebulan dan yuran tahunan hanya RM90. Dengan adanya kutipan tersebut, ianya dapat dimanfaatkan untuk kegunaan bayaran elauan guru di samping membeli atau mencetak buku berdasarkan keperluan. Dengan penganjuran kelas pengajian tahliz dan fardhu ain seperti ini menjadikan masjid senantiasa dikunjungi terutama pada hujung minggu dengan jumlah seramai 590 orang pengunjung. Dalam masa yang sama, ibu bapa yang menanti anak-anak mereka selesai sesi pengajian dapat memanfaatkan masa mereka dengan membaca al-Quran atau berikhtikaf di dalam masjid. Ianya secara tidak langsung dapat mendekatkan golongan dewasa untuk terus datang ke masjid.

## ii. Kelas Talaqqi al-Quran Dewasa

Sebagai seorang yang melazimi mengulang al-Quran, Datuk Mohammad tidak jemu mengajarkan al-Quran kepada masyarakat bilamana beliau turut menganjurkan kelas talaqqi al-Quran untuk golongan dewasa. Hal demikian bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w mengenai kelebihan orang yang belajar al-Quran dan kemudian mengajarkannya kepada orang lain iaitu:

خَيْرٌ مِّنْ تَعْلِمُ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ

Maksudnya: “*Sebaik-baik daripada kamu adalah yang belajar al-Quran dan mengajarnya.*”

(HR Bukhari, 5026)

Kelas talaqqi al-Quran telah mula beroperasi pada tahun 2002 sehingga kini yang bertempat di Dewan Solat Masjid al-Azim. Kelas ini dibimbing sepenuhnya oleh Datuk Mohammad dan diadakan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat selepas selesai kuliah Subuh. Kini, Datuk Mohammad telah memperkenalkan dua riwayat bacaan mengikut *tariq Jazari* dan *tariq Syatibiy* bagi bacaan dua dan empat harakat. Pelajar-pelajar yang telah khatam talaqi al-Quran boleh memilih untuk memulakan bacaan baharu dengan salah satu bacaan daripada dua riwayat yang ditawarkan. Ini menambahkan keseronokan kepada golongan dewasa dan ianya merupakan ilmu yang baharu buat mereka.

Datuk Mohammad mengendalikan kelas talaqi al-Quran untuk seramai 40 hingga 50 orang pelajar dalam sehari. Jumlah keseluruhan pelajar dewasa adalah seramai 120 orang. Pelajar yang telah khatam talaqi al-Quran akan diberi perakuan khatam. Mereka juga digalakkan mengambil tauliah mengajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Melaka. Datuk Mohammad tidak mengenakan sebarang yuran atau bayaran. Beliau menganggap tugas tersebut sebagai sumbangsan dan kerja dakwah beliau dalam memastikan masyarakat boleh membaca al-Quran di samping menghindari mereka dari buta al-Quran. Bagi pelajar dewasa yang tiada asas membaca al-Quran, mereka akan dibimbing menggunakan buku Muqaddam kaedah Baghdadi.

## iii. Kelas Pengajian Kitab

Selain berpengetahuan luas dalam bidang al-Quran dan Qiraat, Datuk Mohammad juga berpengetahuan dalam bidang pengajian syariah dan usuluddin. Ini dibuktikan dengan kemampuan beliau menyampaikan kuliah-kuliah di sekitar negeri Melaka. Sungguhpun jadual harian beliau amat padat, namun beliau masih mampu memenuhi undangan menyampaikan kuliah kepada masyarakat. Menurutnya, buat masa ini, sebanyak 36 sesi kuliah dalam sebulan

berjaya dikendalikan dengan baik. Kuliah-kuliah tersebut meliputi kuliah Subuh, kuliah Dhuha, kuliah Maghrib dan kuliah bulanan.

Isi penyampaian kuliah Maghrib banyak ditumpukan kepada pengajian Tasawuf, Fiqh dan Hadis. Ada juga di antara kuliah-kuliah disampaikan dengan merujuk kitab yang dikhatususkan seperti kitab *Syarah Safinah an-Naja* dan kitab *Hidayah as-Sibyan Fi Makrifat al-Islam wa al-Iman*. Bagi kuliah Subuh pula, ianya disampaikan hanya di Masjid al-Azim Masjid Negeri dengan kupasan satu hari satu hadis.

#### iv. Penyampai Tazkirah dan Soal Jawab Agama Segmen Mutiara Ilmu radio melaka.fm

Figura hebat yang berpewatakan dan berpenampilan sederhana ini senantiasa dinantikan kemunculannya menerusi Soal Jawab Agama Segmen Mutiara Ilmu di platform radio melaka.fm. Penyampaiannya yang bersahaja namun penuh dengan pengisian menjadikan segmen yang berdurasi selama satu jam dari 10.00 pagi hingga 11.00 pagi itu berlalu begitu pantas. Oleh demikian, tidak hairanlah apabila segmen yang ke udara pada setiap pagi Jumaat itu signifikan diteruskan sehingga kini bermula dari tahun pertama beliau dilantik menjadi Imam Besar Masjid al-Azim.

Segmen tersebut dimulakan dengan tazkirah ringkas sebelum sesi soal jawab agama diterima daripada pemanggil. Menurut Datuk Mohammad, beliau diberi kebebasan untuk menyampaikan apa sahaja topik terutama berkaitan isu semasa. Pemanggil juga bebas mengajukan soalan berkaitan permasalahan Fiqh atau hal-hal yang berkait dengan kehidupan harian. Soalan-soalan yang dikemukakan dijawab dengan penuh hemah dan disertakan dengan dalil-dalil yang menyokong kepada jawapan tersebut. Bagi pendengar yang terlepas mengikuti segmen tersebut, mereka boleh mendengar rakaman yang diulang siar atau boleh mengikutinya di platform media sosial seperti *youtube* dan *facebook* rasmi Radio Melaka.fm.

#### v. Pengerusi Panel Huffaz Ithbat al-Quran Negeri Melaka

Berbekalkan pengalaman yang luas di bidang pengajian tahniz al-Quran, kesungguhan Datuk Mohammad dalam memartabatkan golongan huffaz di negeri Melaka dapat dilihat apabila beliau telah mencadangkan pelaksanaan Program Ithbat Negeri Melaka bagi membela serta menghargai sumbangan mereka yang menghafaz dan memelihara 30 juzuk al-Quran. Beliau yang merupakan Pengerusi Panel Huffaz program ithbat ini menjelaskan dengan adanya program seumpama ini, nasib para huffaz di negeri Melaka terbela apabila menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri Melaka di atas kesungguhan para huffaz memelihara hafazan mereka.

Menurut Datuk Mohammad, terdapat beberapa syarat telah ditetapkan dan calon yang mencukupi syarat adalah layak memohon. Calon-calon yang berkelayakan akan diuji hafazan mereka bergantung kepada kategori juzuk yang dipohon. Bagi calon yang cemerlang dalam sesi temu duga dengan memperoleh markah 90% ke atas akan diberi saguhati bulanan sebanyak RM400. Calon yang mendapat markah pertengahan akan menerima saguhati bulanan sebanyak RM200 manakala calon yang mendapat markah lulus sahaja akan menerima saguhati bulanan sebanyak RM150.

Sebagai usaha untuk memastikan al-Quran kekal dipelihara, kesemua peserta ithbat akan diuji hafazan mereka setiap tahun bagi menentukan saguhati masih boleh terus diberikan atau sebaliknya. Justeru, hafazan memerlukan proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w menerusi sabdanya:

تعاهدوا هَذَا الْقُرْآنَ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَهُ أَشَدُ تَفَلُّتًا مِنَ الْإِبْلِ فِي عُفْلِهَا

Maksudnya: “Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran, demi jiwaku dalam genggamannya, sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya.”

(HR Muslim, 791)

Selain itu, di antara keistimewaan menjadi peserta ithbat ini adalah mereka layak dilantik menjadi imam solat sunat terawih sepanjang bulan Ramadhan dengan elau sebanyak RM2500 menerusi program Ihya’ Tarbawi Ramadhan (IHTIRAM). Walau bagaimanapun, para peserta perlu melalui sesi temu duga terlebih dahulu. Datuk Mohammad menambah, kebanyakan imam-imam solat sunat terawih yang dilantik adalah dalam kalangan peserta ithbat. Oleh demikian, matlamat untuk membudayakan al-Quran sepanjang bulan Ramadhan di surau-surau dan masjid-masjid sekitar negeri Melaka tercapai menerusi penganjuran program sebegini.

Program ithbat di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan JAIM telah diperkenalkan pada tahun 2020 dengan menerima sebanyak 70 permohonan di peringkat awal. Program ini semakin mendapat tempat dalam kalangan huffaz dan jumlah calon yang memohon meningkat dari masa ke semasa. Pada tahun 2023, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 340 calon. Kebanyakan daripada mereka yang memohon telah lulus sesi temu duga.

#### vi. Pengurus Madrasah Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat Telok Mas, Melaka

Insan berjiwa al-Quran ini tidak pernah jemu memartabatkan pendidikan al-Quran dalam kalangan masyarakat. Datuk Mohammad dengan kesepakatan ahli keluarga telah mengusahakan sebuah madrasah yang berasal dari surau yang dibina di atas tanah waqaf milik saudara maranya bagi memanjangkan pahala jariah ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia. Madrasah yang dikenali dengan nama Madrasah Tahfiz al-Quran wal-Qiraat (MTQQT) terletak di Jalan Daeng Tawi, Telok Mas, Melaka telah memulakan operasi pada tahun 2018 dengan mensasarkan pelajar lelaki berusia di antara 13 hingga 17 tahun.

Sistem pengajian yang ditetapkan di MTQQT adalah selama lima tahun dengan menekankan pengajian tafsir, kitab dan akademik. Kini, MTQQT sedang dalam fasa pembinaan bangunan baharu di atas tanah waqaf berdekatan bangunan madrasah sedia ada yang menelan belanja anggaran RM4 juta. Pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian di MTQQT layak menyambung pengajian dalam negara seperti di Kolej al-Quran Saidina Ali (KAQSA) atau di luar negara seperti di Yaman.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis peranan dan sumbangan Datuk Mohammad yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa beliau merupakan tokoh al-Quran yang sangat berjasa dan berperanan penting dalam perkembangkan ilmu al-Quran khususnya di negeri Melaka. Keilmuan dan pengalaman yang luas di bidang al-Quran dikongsi bersama bermula

daripada diamanahkan menjadi pendidik sehingga kepada mengambil tanggung jawab sebagai Imam Besar Masjid al-Azim, Masjid Negeri Melaka. Beliau dilihat sebagai tokoh yang sangat menitik beratkan pendidikan al-Quran dalam semua lapisan masyarakat di samping mencetuskan idea dengan menganjurkan beberapa aktiviti yang mampu menarik minat masyarakat untuk datang mengimarahkan masjid. Selain itu, keterlibatan beliau sebagai hakim dalam majlis berprestij seperti majlis tilawah dan hafazan al-Quran peringkat negeri dan kebangsaan telah menyerlahkan ketokohan beliau yang tiada tandingan. Secara kesimpulannya, kajian ketokohan yang dikemukakan di dalam kajian ini secara tidak langsung mampu memberikan sumbangan dalam memperkaya sejarah Islam serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan sesebuah komuniti.

### Penghargaan

Penulisan ini adalah sebahagian daripada projek kerjasama MOU di antara Universiti Pendidikan Sultan Idris-Darul Quran JAKIM. Penulis mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia dan semua yang menyokong penulisan ini.

### Rujukan

- Ab. Rahman al-Qari, A. (2011). Pengajian Tahfiz al-Qur'an dan Qira'at di Kelantan: Tumpuan terhadap Sumbangan Dato' Hj Muhammad Nor bin Ibrahim. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Abdullah, A. R. Q., Mohamad, S., & Mohd. (2012). Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim - UM Research Repository. Um.edu.my. <http://eprints.um.edu.my/13987/1/%2871-84%29.pdf>
- Al-Bukhārī. (2001). Ṣahīḥ Bukhārī. ed. Dr. Muhammad Zahir al-Nāsir, Beirut.
- Al-Bukhārī. (2016). Ṣahīḥ Bukhārī. ed. Syarīfuddīn Abī al-Husseīn ‘Alī bin Muhammad al-Yunainī, Darul Kamal.
- Basmeih, A. (2022). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Rimbunan Islamik Media.
- Darul Quran. (2020). Sejarah & Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II. JAKIM.
- Datuk Haji Mohamad bin Hashim. (2022, 3 Mei). Latar belakang Pengajian Tahfiz. [Temu bual menerusi percakapan secara bersemuka].
- Datuk Haji Mohamad bin Hashim. (2024, 28 Februari). Latar belakang Pengajian Tahfiz. [Temu bual menerusi percakapan secara dalam talian].
- Hasliza, T., Nidana, Y., Rosfaliza, A. R., Zahanim, A., & Farah Nur Rashida, R. (2019). Dato' Yahya Othman, Tokoh Kepimpinan Dakwah Melayu Nusantara: Satu Kajian Konseptual dan Profil. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, 201–210.
- Khairul Anuar, M., Sedek, A. & Mohd Zaini, Z. (2021). Sumbangan Dato' Salehuddin Bin Omar dalam Pendidikan al-Quran di Malaysia. Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah, 17(2), 1–19. <https://doi.org/10.33102/jmq.v17i2.314>
- Khalid, I. (2011). Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia. Disertasi. Universiti Malaya.
- Khalid, I., Muhammad Lukman, I., Mahyudin, D. (2016). Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Ilmu Tarannum al-Quran. Jurnal al-Basirah, 6(1), 31-47. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/issue/view/1580>

- Mohd A'tarahim, M. R. (2016). Qiraat Mutawatir dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan dan Pendedahan Dalam Kalangan Ilmuan Islam di Terengganu. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Mohd Hasbie, A. (2022). Keunikan Sanad Dato' Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 9(1), 54–75. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i1.65>
- Mohd Hasbie, A., Abdul Mukti, B. & Khairul Anuar, M. (2023). Peranan Haji Hassan Ismail dalam Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia. Ma'alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah, 19(1), 144–156. <https://doi.org/10.33102/jmqv19i1.402>
- Mohd Hasbie, A., Khairul Anuar, M. & Samer Najeh, A. S. (2019). Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari: Permata al-Quran Yang Hilang. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, 352-362.
- Muslim. (2013). al-Jami' Sahih Muslim, Turki: Dar al-Tiba'ah al-Amirah.
- Najmiah, O. & Fatimah Zaharah, I. (2017). Sumbangan Haji Mat Lintar dalam Pengajaran al-Quran di Terengganu. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, (UniSZA). 297-303.
- Najmiah, O. & Zulkifli, M. Y. (2017). Sumbangan Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran. Journal of Al-Tamaddun, 12(2), 73–85. <https://doi.org/10.22452/jat.vol12no2.6>
- Najmiah, O. (2017). Pengajian Tarannum al-Quran di Terengganu dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Rogayah binti Sulong. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Rasid, M. (2006). Konsep Hadhari serta Kaitannya dengan Islam: Satu Perspektif. Retrieved September 5, 2023, from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33454/1/33454.PDF>
- Rosfazila, A. R., Razak, A., Abdul Razif, Z. & Zetty Nurzuliana, R. (2019). Ketokohan Transformasional Pendidikan Islam Negeri Selangor: Kajian Tokoh Sempena 20 Tahun KISDAR-KUIS. E-Bangi, 16(2), 1-14.
- Shafiza, S. (2019). Sumbangan Faridah binti Mat Saman Dalam Pengajaran Tarannum al-Quran dan Pengaruhnya di Kelantan. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Shafiza, S., Zulkifi, M. Y. & Khader, A. (2016). Sumbangan Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman Dalam Pengajaran Golongan Hafiz al-Quran, Memperkasa Generasi Menghafaz al-Quran. Darul Quran. 173-182.
- Shaharuddin, S., Muhammad Zaid, S. K., Muhammad Fairuz A. A. & Shakirin, Z. (2021). Tokoh al-Quran: al-Marhum Datuk Seri Abu Hasan Din al-Hafiz Dan Sumbangannya. KUIS: Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajaran Tahfiz al-Quran & al-Qiraat. Siri 2. 32-38.
- Wan Mohd Noor, W. D. (1991). Penjelasan Budaya Ilmu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zakiyah, D. (1989). Pendidikan Orang Dewasa. Jakarta: Bulan Bintang.